



2022

**GARIS PANDUAN**  
**ANUGERAH KONTRAKTOR**  
**CEMERLANG**



BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI  
CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT

## PENDAHULUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menggariskan tatacara permohonan penyertaan untuk Anugerah Kontraktor Cemerlang. Anugerah ini terbahagi kepada **enam (6) kategori utama** iaitu Anugerah Kontraktor Cemerlang (Kategori Bangunan), Anugerah Kontraktor Cemerlang (Kategori Infrastruktur), Anugerah Kontraktor Cemerlang (Mekanikal/Elektrik), Anugerah Kontraktor Cemerlang (Subkontraktor Dilantik - NSC), Anugerah Kontraktor Cemerlang (Pengurusan Fasiliti Bangunan) dan Anugerah Kontraktor Cemerlang (Kategori Pengurusan Trafik Di Tapak Bina Bagi Projek Jalan) seperti berikut:

### KATEGORI ANUGERAH KONTRAKTOR CEMERLANG 2022 :

<b>A. Kategori Bangunan</b>	<b>Lampiran A-A1</b>
<b>B. Kategori Infrastruktur</b>	<b>Lampiran B-B1</b>
<b>C. Kategori Mekanikal/Elektrik</b>	<b>Lampiran C-C1</b>
<b>D. Kategori Subkontraktor Dilantik - NSC</b>	<b>Lampiran D-D1</b>
<b>E. Kategori Pengurusan Fasiliti Bangunan</b>	<b>Lampiran E-E2</b>
<b>F. Kategori Pengurusan Trafik Di Tapak Bina Bagi Projek Jalan</b>	<b>Lampiran F-F2</b>

Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat pencalonan, kriteria dan proses penilaian serta tatacara penyertaan bagi setiap kategori anugerah di atas adalah seperti di **Lampiran A sehingga Lampiran F2**

## TATACARA PENILAIAN

Tatacara Penilaian pada tahun ini adalah seperti yang berikut:

- i. **Satu (1) dokumen pembuktian** berdasarkan kriteria penilaian hendaklah dihantar kepada urusetia dalam bentuk *hardcopy*.
- ii. **Satu (1) slaid pembentangan** yang mengandungi maklumat projek dan ringkasan kriteria penilaian juga perlu disediakan dan dihantar dalam bentuk ***softcopy* dan *hardcopy*** kepada pihak urusetia untuk penilaian awal oleh panel penilai.
- iii. Peserta diingatkan untuk menghantar **satu (1) salinan borang penyertaan** yang dicetak dari [eanugerah.jkr.gov.my](http://eanugerah.jkr.gov.my) dan menghantar bersama **dokumen pembuktian** dan **slaid pembentangan** kepada urusetia sebelum tarikh tutup pada **21 Januari 2022 (Jumaat)**.